

# Seminar Perladangan Karas Dan Pengeluaran Gaharu Dan Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Negara

Khamis, 14 Februari 2013 15:42



**- MALAY VERSION ONLY -**

UCAPAN KETUA PENGARAH  
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
SEMPENA SEMINAR PERLADANGAN KARAS DAN PENGELUARAN GAHARU, DAN MAJLIS  
PELANCARAN PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN INDUSTRI BULUH NEGARA  
MAEPS SERDANG, SEMPENA PENGANJURAN MICCOS 2011  
30 OKTOBER 2011

Terima Kasih Saudari Pengacara Majlis.

Y. B. Datuk Hamzah Zainudin  
Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Datuk- Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

1) Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.B. Datuk Hamzah Zainudin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) kerana sudi melapangkan masa untuk menyempurnakan majlis perasmian Seminar Perladangan Karas dan Pengeluaran Gaharu serta Pelancaran Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Negara pada pagi yang berbahagia ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para hadirin sekalian kerana sudi melapangkan masa untuk menghadiri seminar pada pagi ini. Untuk maklumat hadirin sekalian, Seminar ini adalah anjuran bersama MTIB dengan Sekretariat MICCOS 2011.

Datuk- Datuk , Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

2) Seminar ini dianjurkan bertujuan untuk mengumpul para pengusaha, samada secara individu ataupun syarikat beserta penyelidik berkaitan pokok karas dan gaharu ke satu sesi perkongsian maklumat yang dapat mengengahkan segala isu berkaitan industri gaharu di Malaysia. Perkongsian maklumat ini adalah penting memandangkan industri gaharu kini semakin berkembang pesat di negara kita. Seminar seperti ini diharap dapat mewujudkan satu landasan perbincangan yang positif di dalam melihat status perkembangan industri gaharu di Malaysia bagi menjamin kesinambungan industri ini ke arah potensi yang berkekalan. Disamping itu, seminar ini dapat membantu para peserta memahami dengan lebih mendalam industri berasaskan gaharu bagi menjalankan aktiviti dari masa kesemasa. Para peserta juga akan dapat berinteraksi secara langsung dan bertukar pandangan bersama pengusaha karas yang telah lama terlibat dalam industri ini dan menyaksikan pameran industri karas dan gaharu di MICCOS 2011.

3) Saya ingin menyingkap semula kepada lima strategi teras dalam "Pelan Tindakan Pembangunan Industri Perladangan Karas dan Gaharu Malaysia" dimana salah satu strategi teras adalah pembangunan modal insan. Mengenai aspek ini MTIB telah menetapkan sasaran untuk menganjurkan sekurang-kurangnya 5 program latihan setahun yang modulnya merangkumi aspek perladangan karas, penghasilan pati minyak gaharu, pemprosesan produk terbitan dari karas dan gaharu dan modul – modul lain yang diperlukan oleh pihak industri dari masa kesemasa. Program latihan ini kebiasaannya di anjurkan oleh MTIB dengan kerjasama pihak industri ataupun institusi pengajian tinggi/institusi penyelidikan yang berkaitan. Respon dari masyarakat

terhadap kursus-kursus berkenaan adalah amat menggalakkan dan setakat ini MTIB telah melatih hampir 750 peserta.

4) Disamping menjalankan program pembangunan modal insan MTIB juga terlibat dengan kerjasama pihak industri menjalankan program R & D khususnya dalam menilai keberkesanan teknik dan bahan inokulasi yang paling efektif merangsang pokok kaars untuk penghasilan gaharu terutamanya keatas pokok kaars yang ditanam secara perladangan.

Datuk- Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

5) Pada hari ini juga kita akan dapat menyaksikan satu lagi usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) melalui MTIB dengan melancarkan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh Negara. Saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada semua agensi yang terlibat dalam mengubal pelan tindakan ini samada dari agensi kerajaan mahupun pihak industri sendiri. Dengan pelancaran pelan tindakan ini, ia menjadikan industri buluh negara satu industri yang penting dengan memfokuskan kepada penghasilan produk bernilai tambah daripada buluh seperti papan lantai, perabot, struktur binaan dan sebagainya dan sekaligus tidak dilabel lagi sebagai barangan kraftangan sahaja. Ini sejajar dengan langkah ke arah pembangunan industri hiliran yang lebih bernilai tambah seperti yang digariskan oleh Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP)

Datuk- Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

7) Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya dan semoga seminar ini memberi kesan positif yang maksimum kepada semua peserta.

Dengan itu saya sudahi dengan wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian terima kasih.

Dr Jalaluddin Harun  
Ketua Pengarah MTIB.